

RIMBA RIANG
Abbot's Babbler

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Malacocincla abbotti*



CIRI-CIRI

Burung dewasa mempunyai susuk badan yang nampak padat, mempunyai ekor yang pendek, mempunyai paruh yang agak besar, manakala bahagian tepi badan dan tognkeng berwarna oren kuning kemerahan. Ia juga menyerupai burung Rimba Hutan (*Malacocincla sepiarium*) tetapi bahagian atas kepala dan bahagian atas badan mempunyai warna yang serupa dan coklat pucat, mempunyai jalur-jalur halus di bahagian atas kepala, bahagian kening yang kurang jelas yang berwarna kekelabuan, dan kurang jalur-jalur pada dada atas, manakala paruh pula agak panjang sedikit. Bagi burung juvenil, bahagian atas kepala dan badan berwarna coklat kemerahan yang gelap (menyerupai burung dewasa Rimba Sampah; *Trichastoma bicolor*).

SAIZ

Panjang keseluruhan adalah di antara 15-16.5 sm.

MAKANAN

Serangga, invertebrata, buah-buahan kecil, biji-bijian dan madu pada bunga.

HABITAT

Kawasan hutan tanah pamah dipterokap, kawasan pinggir hutan, kawasan hutan sekunder, kawasan semak samun, hingga ke ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan kicauan kuat yang berulang *chiu-woo-wooi*, *wiu-wuoo-wiu* dan *wi-wu-yu-wi*.

TABIAT

Burung ini biasanya boleh dijumpai berhampiran atau di atas tanah.

PEMBIAKAN

Musim membiak pula adalah di antara bulan Februari-September setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2-5 biji telur di dalam sarang yang dibina pada kawasan rotan, palma atau lain-lain tumbuhan bawah kanopi, 0.45-1.8 m dari aras tanah. Sarang selalunya dicerobohi oleh burung Sewah Tekukur Kecil (*Hierococcyx vagans*) yang bersifat parasitik.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.